

## PELAKSANAAN INOVASI AR-RAHNU DALAM SEKTOR KOPERASI DI MALAYSIA

### IMPLEMENTATION OF AR-RAHNU INNOVATION IN THE COOPERATIVE SECTOR IN MALAYSIA

Fatimah Salwa Abd. Hadi<sup>1</sup>  
Mohamad Azahari Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah, Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, (Email: fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Pengurus, Unit Pematuhan Syariah, Pengurusan dan Pembangunan Zakat, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA, (Email azahari.angkasa@gmail.com)

#### Article history

Received date : 13-11-2021  
Revised date : 14-11-2021  
Accepted date : 13-12-2021  
Published date : 16-12-2021

#### To cite this document:

Abd. Hadi, F. S., & Ahmad, M. A. (2021). Pelaksanaan Inovasi Ar-Rahnu Dalam Sektor Koperasi Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(42), 56 - 67.

**Abstrak:** Pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) terus rancak dan berkembang di Malaysia dalam pelbagai sektor termasuk koperasi. Aktiviti Ar-Rahnu di koperasi dilaksanakan mengikut syariah berdasarkan “GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)” yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Namun begitu, mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) yang diadakan pada 25 Jun 2019 memutuskan bahawa terdapat keperluan untuk memperkemas struktur produk Ar-Rahnu sedia ada berikutan terdapatnya beberapa isu syariah yang timbul. Menyedari kepentingan melaksanakan Ar-Rahnu berasaskan syariah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang bertanggungjawab mengawal selia sektor koperasi telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif Ar-Rahnu bagi koperasi yang menjalankan aktiviti pajak gadai Islam berkuat kuasa 1 Mei 2021. Rentetan daripada penguatkuasaan tersebut, terdapat inovasi dan perubahan yang dilaksanakan dalam sektor koperasi bagi memastikan ianya adalah selari dengan kehendak syariah. Namun begitu, perbincangan mengenainya adalah sedikit dan terbatas. Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan pelaksanaan aktiviti pajak gadai Islam bagi sektor koperasi di Malaysia sebelum dan selepas arahan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif Ar-Rahnu. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif ini menganalisis data secara sistematik dengan menggunakan teknik analisis kandungan. Beberapa cadangan turut diketengahkan di akhir kajian.

**Kata Kunci:** Pajak Gadai Islam, Ar-Rahnu, Koperasi

**Abstract:** *Islamic pawnbroking (Ar-Rahnu) continues to thrive and grow in Malaysia in various sectors including cooperatives. Ar-Rahnu activities in cooperatives are implemented in accordance with shariah based on "GP25: Guidelines for Islamic Pawnbroking Activities (Ar-Rahnu)" issued by the Malaysian Cooperative Commission (MCC). However, the Bank Negara Malaysia (BNM) Shariah Advisory Council (SAC) meeting held on 25 June 2019 decided that there was a need to streamline the structure of the existing Ar-Rahnu product due to several shariah issues that arose. Recognizing the importance of implementing Shariah-based Ar-Rahnu, the MCC which is responsible for regulating the cooperative sector has issued enforcement instructions on the implementation of alternative Ar-Rahnu for cooperatives conducting Islamic pawnbroking activities effective 1 May 2021. Following the enforcement, there are innovations and changes implemented in the cooperative sector to ensure that it is in line with the shariah requirements. However, the discussion on it is still sparse and limited. Thus, the objective of this study is to discuss the implementation of Islamic pawnbroking activities for the cooperative sector in Malaysia before and after the enforcement instructions for the implementation of alternative product Ar-Rahnu. The study used the qualitative approach to analyze the data systematically using content analysis technique. Several suggestions were also highlighted at the end of the study.*

**Keywords:** *Islamic pawnshop, Ar-Rahnu, Cooperative*

---

## **Pendahuluan**

Evolusi pajak gadai Islam (*Ar-Rahnu*) di Malaysia telah membawa perubahan signifikan terhadap sektor koperasi terutamanya dalam usaha membangunkan ekonomi ummah yang mapan. Perubahan tersebut bertitik tolak dari penubuhan *Ar-Rahnu* pertama di Malaysia oleh institusi bukan kewangan iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 23 Januari 1992 yang dikenali sebagai Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dengan berkonsepkan *Ar-Rahnu* dan *Qard al-Hassan* (Razak, Muhammad, Hussin & Mahjom, 2014). Majlis Agama Islam Kelantan dan Permodalan Kelantan Berhad (PKB) turut menawarkan perkhidmatan *Ar-Rahnu* pada tahun yang sama. Pada 21 Ogos 1993, bermulalah penglibatan institusi kewangan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dalam *Ar-Rahnu*. Bertitik tolak dari situ, aktiviti *Ar-Rahnu* terus rancak dan berkembang dalam pelbagai sektor termasuk koperasi.

Berdasarkan objektif, penubuhan *Ar-Rahnu* dalam sektor koperasi mempunyai peranan yang pelbagai. Selain menyediakan alternatif kepada skim pajak gadai konvensional, *Ar-Rahnu* turut menyediakan keperluan kewangan yang mudah dan cepat kepada peniaga-peniaga kecil untuk dijadikan sebagai modal pusingan. Selain itu, *Ar-Rahnu* juga membolehkan individu memperoleh kewangan yang lebih efektif dari segi kos tanpa perlu meminjam daripada saluran yang mahal seperti 'Ah long', 'ceti' atau 'syarikat peminjam wang'. Di samping itu, *Ar-Rahnu* juga mempunyai fungsi yang unik di dalam sektor koperasi. Ia bukan sahaja membangunkan kedudukan sosio ekonomi masyarakat yang berpendapatan rendah dengan berperanan sebagai modal kepada perniagaan kecil, bahkan juga turut menjadi pemacu dalam aspek pembangunan dalam industri kecil dan sederhana. Dari sudut yang lain, *Ar-Rahnu* juga mempunyai peranan yang besar sebagai pembiaya pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan. Aktiviti *Ar-Rahnu* dalam sektor koperasi dilaksanakan mengikut syariah berdasarkan "GP25:

Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (*Ar-Rahnu*)” yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2013).

Namun begitu, mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) yang diadakan pada 25 Jun 2019 memutuskan bahawa terdapat keperluan untuk memperkemas struktur produk *Ar-Rahnu* sedia ada berikutan terdapatnya beberapa isu syariah yang timbul. Ini termasuklah isu pinjaman yang melibatkan manfaat kepada pemberi pinjam. Jumlah pinjaman hanya diberikan sekiranya pelanggan menyimpan aset dan membayar upah simpan aset tersebut. Oleh yang demikian, wujudnya kebergantungan yang jelas antara pinjaman (*qard*) dan caj upah simpan. Selain itu, wujud elemen keuntungan dalam upah simpan yang dikenakan kepada pelanggan dan terdapatnya larangan untuk menggabungkan kontrak *qard* dengan kontrak-kontrak di bawah kategori pertukaran (*Mu'awadah*) (Bank Negara Malaysia, 2019).

Meskipun ketetapan ini terpakai untuk institusi kewangan Islam (IKI), isu yang dibangkitkan adalah jelas berkaitan dengan pemakaian konsep syariah dalam aktiviti *Ar-Rahnu*. Menyedari kepentingan melaksanakan *Ar-Rahnu* berasaskan syariah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang bertanggungjawab mengawal selia sektor koperasi telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif *Ar-Rahnu* bagi koperasi yang menjalankan aktiviti pajak gadai Islam berkuat kuasa 1 Mei 2021. Rentetan daripada penguatkuasaan tersebut, terdapat inovasi dan perubahan yang dilaksanakan dalam sektor koperasi bagi memastikan ianya adalah selari dengan kehendak syariah. Namun begitu, perbincangan mengenainya adalah sedikit dan terbatas. Justeru, objektif kajian ini dijalankan untuk membincangkan pelaksanaan aktiviti pajak gadai Islam bagi sektor koperasi di Malaysia sebelum dan selepas arahan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif *Ar-Rahnu*.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan lain-lain seperti artikel yang berkaitan dengan *Ar-Rahnu*. Data-data sekunder yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara sistematik menggunakan teknik analisis kandungan.


### Konsep Syariah Bagi Aktiviti *Ar-Rahnu* di Koperasi

*Ar-Rahnu* dari segi bahasa bermaksud gadaian, cagaran, menahan atau kekal. Manakala dari segi istilah pula merujuk kepada satu akad yang menjadikan sesuatu barang yang bernilai sebagai cagaran kepada hutang dan akan digunakan untuk melangsaikan hutang sekiranya hutang tersebut tidak dapat dilunaskan (Mohamad, 2013). Secara asasnya, aktiviti *Ar-Rahnu* di koperasi merupakan pajak gadai Islam yang menggabungkan empat konsep syariah iaitu sandaran (*Ar-Rahnu*), simpanan dengan jaminan (*Al-Wadi'ah Yad Dhamanah*), pembiayaan kebajikan (*Qardul Hassan*) dan upah (*Al-Ujrah*). Merujuk kepada GP25, terdapat lima (5) rukun yang perlu dipatuhi oleh koperasi sebelum melaksanakan aktiviti *Ar-Rahnu*.

- a. “Penggadai (*al-raahin*)”: merupakan seseorang individu yang menggadaikan barangnya kepada pengusaha *Ar-Rahnu* koperasi dan meminjam sejumlah wang dari gadaian tersebut.
- b. “Pemegang gadaian (*al-murtahin*)”: merupakan orang yang memegang barang gadaian iaitu koperasi.
- c. “Barang gadaian (*marhun*)”: merupakan barang emas yang boleh digadaikan

- kepada koperasi dan boleh dijual beli.
- d. “Nilai barang gadaian (*nilai marhun*)” merupakan harga barang gadaian yang telah dinilai mengikut jenis, mutu, berat dan kandungan emas.
  - e. “Akad”: merupakan majlis penyerahan dan penerimaan barang gadaian.

Ringkasan berkenaan rukun-rukun yang perlu dipatuhi dapat dilihat dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Ringkasan Lima (5) Rukun Yang Perlu Dipatuhi**


### Syarat-syarat Melaksanakan Aktiviti *Ar-Rahnu*

Merujuk kepada GP25, terdapat dua belas (12) syarat yang perlu dipatuhi dengan sebaiknya seperti mana yang berikut:

- a. Koperasi mestilah mempunyai rekod yang baik dari segi pengurusan di mana akaun koperasi diaudit setiap tahun dan mesyuarat agung tahunan telah diadakan.
- b. Koperasi hendaklah mempunyai Kumpulan Wang Anggota sekurang-kurangnya RM500,000.00.
- c. Undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti *Ar-Rahnu*.
- d. Aturan *Ar-Rahnu* diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan hendaklah diluluskan dalam mesyuarat agung yang merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara seperti tajuk, objektif, definisi, sumber dan kegunaan kewangan, pentadbiran dan pengurusan, proses aliran kerja, tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat serta pengurusan kewangan, risiko dan audit.
- e. Koperasi hendaklah memastikan kakitangan mempunyai latihan yang mencukupi dan kompeten untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Sehubungan dengan ini, koperasi dikehendaki menyediakan kursus dan latihan yang lebih tersusun dan teratur bagi peningkatan kompetensi dari segi kemahiran dan pengurusan yang merangkumi aspek teknikal pengujian, proses kerja, keselamatan, sahsiah diri serta keusahawanan. Justeru, koperasi hendaklah sekurang-kurangnya memastikan aspek-aspek berikut:
  - (i) kursus ketulenan emas diberi secara berterusan kepada kakitangan terlibat dan digalakkan mempunyai persijilan tahap kepakaran (mengiktiraf peserta kursus pada tahap-tahap kepakaran tertentu).
  - (ii) penggunaan peralatan menguji ketulenan emas yang terkini sesuai dengan keperluan industri semasa.
  - (iii) ketelitian semasa menguji barang gadaian (emas).
  - (iv) wujudnya usaha untuk mengekalkan kakitangan yang mempunyai kepakaran.
  - (v) kakitangan diberi latihan semasa bekerja (*on job training*).

- f. Koperasi hendaklah memastikan lokasi premis untuk menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* terletak di kawasan yang strategik, tidak tersembunyi dan mempunyai ramai penduduk.
- g. Dari sudut infrastruktur bangunan, koperasi hendaklah memastikan bangunan yang digunakan perlu mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Infrastruktur bangunan tersebut hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti sistem “*alarm*” dan CCTV, pengawal keselamatan, peti besi serta pintu besi bilik kebal. Koperasi hendaklah juga mewujudkan kaunter *Ar-Rahnu* dengan mengambil kira pelbagai aspek keselamatan dan keselesaan kakitangan dan umum.
- h. Koperasi hendaklah menyediakan sistem pengurusan teknologi yang bersesuaian mengikut perkembangan semasa termasuklah –
  - (i) sistem pengrekodan teknologi maklumat setiap pelanggan serta status setiap urusan. Segala transaksi atau urusan hendaklah sebaik mungkin direkodkan dalam sistem secara berkomputer supaya mudah untuk pengiraan dan pemantauan serta mudah diekstrak untuk kegunaan koperasi memandangkan data-data sedemikian adalah bersifat dinamik dan fleksibel.
  - (ii) pengujian barang gadaian dengan menggunakan teknologi semasa.
  - (iii) sistem keselamatan dan pemantauan berpandukan kepada teknologi keselamatan yang menyeluruh dan terkini.
- i. Dalam mengendalikan apa-apa perniagaan, langkah-langkah pencegahan perlu diambil untuk mengelak koperasi dan pelanggannya daripada mengalami kerugian. Oleh itu, koperasi hendaklah menyediakan perlindungan takaful, sekurang-kurangnya, ke atas:
  - (i) barang gadaian *Ar-Rahnu*.
  - (ii) kakitangan (termasuk perlindungan ke atas kejujuran kakitangan).
  - (iii) premis perniagaan.
  - (iv) pindahan wang tunai (*money in transit*).
  - (v) pindahan barang gadaian.
- j. Koperasi hendaklah memastikan kaedah pengujian barangan adalah berlandaskan amalan industri.
- k. Pelaksanaan aktiviti *Ar-Rahnu* yang dibuat tidak akan menjejaskan aktiviti utama atau sedia ada koperasi.
- l. Koperasi hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, jika ada.

Ringkasan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dapat dilihat dalam Rajah 2 di bawah:



**Rajah 2: Ringkasan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh koperasi**

Selanjutnya, terdapat dua (2) syarat yang perlu dititikberatkan kepada penggadai. Pertama: Sebelum menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu*, koperasi hendaklah memastikan seseorang penggadai memenuhi syarat minimum. Ini termasuklah merupakan seorang anggota atau bukan anggota koperasi, berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan mempunyai keupayaan dari segi mental (waras). Manakala yang kedua, penggadai hendaklah mengesahkan bahawa barang gadaian adalah milik sendiri melalui surat akuan gadaian.

#### **Pelaksanaan Aktiviti *Ar-Rahnu***

Pelaksanaan aktiviti *Ar-Rahnu* di koperasi boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu sebelum dan selepas penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif yang baharu pada 1 Mei 2021 .

#### **Fasa sebelum penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif baharu *Ar-Rahnu***

Pelaksanaan aktiviti *Ar-Rahnu* di koperasi sebelum penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif yang baharu adalah merujuk kepada “GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadaian Islam (*Ar-Rahnu*) yang dikeluarkan oleh SKM. Secara umumnya, pengendalian aktiviti *Ar-Rahnu* di koperasi perlu menitikberatkan kemaslahatan dan kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu koperasi dan penggadai. Semasa aktiviti *Ar-Rahnu* berjalan, koperasi perlu memastikan gadaian barang kemas yang diterima adalah tulen dan berkualiti. Sebarang barang gadaian emas yang mempunyai simbol keagamaan seperti patung atau makhluk lengkap bernyawa tidak boleh dijadikan gadaian. Diantara bentuk gadaian barang kemas yang boleh diterima oleh koperasi termasuklah jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas yang dikeluarkan oleh syarikat berdaftar yang disenaraikan oleh koperasi.

Meskipun begitu, beberapa syarat perlu dipatuhi termasuklah kemampuan mengemukakan dokumen-dokumen seperti resit pembelian atau invois jualan, sijil ketulenan emas dan / atau



sijil penghargaan majikan. Selain itu, koperasi juga perlu mengikut perkembangan jenis emas palsu yang berada di pasaran semasa terutamanya yang berasal dari negara-negara luar. Penaksir perlu berhati-hati dan mengambil langkah untuk mengenali pelanggan apabila pelanggan datang untuk menggadaikan barang. Secara minimum, koperasi hendaklah mengadakan kaedah pengujian dan penilaian emas yang bersesuaian berlandaskan piawaian prosedur operasi koperasi masing-masing dan amalan industri. Kaedah yang sering diguna pakai termasuklah pengujian asid (*touchstone*), ketumpatan (*densimeter*) dan *X-Ray Fluorescence* (XRF). Bagi memastikan pelanggan mempunyai maklumat yang mencukupi berkaitan aktiviti *Ar-Rahnu* yang dijalankan, koperasi hendaklah mempamerkan perkara-perkara berikut di premis masing-masing dengan jelas. Ini termasuklah harga emas harian, upah simpan dan kadar margin pembiayaan.

Berkaitan dengan waktu perniagaan, koperasi hendaklah menjalankan perniagaan dan menerima apa-apa barang emas sebagai pajak gadai di antara pukul 8 pagi dan 6 petang. Waktu perniagaan selain daripada tempoh tersebut walau bagaimanapun boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya. Selain daripada itu, terdapat beberapa sekatan yang dikenakan terhadap koperasi. Ini termasuklah larangan untuk menerima barang gadaian yang mempunyai sesuatu cap atau tanda yang menunjukkan ianya sebagai harta Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesebuah negeri.

Selain itu, koperasi juga dikenakan kawalan had pembiayaan. Jumlah pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap penggadai hendaklah tidak melebihi RM50,000.00 atau tidak melebihi 70% daripada nilai *marhun*, mengikut mana yang rendah. Namun, jumlah keseluruhan pemberian pembiayaan kepada setiap penggadai hendaklah tidak melebihi 25% daripada Kumpulan Wang Anggota. Sementara itu, tempoh gadaian maksimum bagi aktiviti *Ar-Rahnu* adalah selama 6 bulan sahaja. Walau bagaimanapun, tempoh lanjutan gadaian boleh diberikan dalam gandaan maksimum 6 bulan dengan syarat upah simpan bagi tempoh yang lalu telah dijelaskan sepenuhnya.

Dari segi upah simpan, ia dikira berdasarkan nilai *marhun* dan tempoh bilangan bulan gadaian ditebus. Kadar upah simpan maksimum yang boleh dikenakan oleh koperasi adalah 1% sebulan ke atas nilai *marhun*. Berkaitan dengan cara bayaran balik, koperasi perlu memberi pilihan kepada pelanggannya sama ada ingin membuat bayaran balik secara ansuran atau sekali gus. Pelanggan juga boleh membuat pembayaran balik pembiayaan kepada koperasi melalui pelbagai kaedah seperti secara tunai, akaun bank, cek atau perbankan secara elektronik.

Selanjutnya, penggadai juga turut dibenarkan untuk menggadai semula barang gadaian yang sama dengan syarat pembiayaan dan upah simpan yang lama dijelaskan secara pelarasan dengan pembiayaan baharu. Jumlah pembiayaan baharu adalah bergantung kepada nilai *marhun* semasa. Meskipun begitu, koperasi perlu memastikan bahawa urusan tersebut dilaksanakan dengan telus dan berhemah. Kesemua dokumen yang berkaitan perlu disimpan dan direkodkan dengan baik dan teratur. Selain daripada itu, penggadai juga berhak menebus *marhunnya* pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh gadaian atau mana-mana tempoh lanjutan yang diberikan oleh koperasi.

Sekiranya penggadai gagal menebus *marhun* dalam tempoh yang telah ditetapkan, koperasi mempunyai hak untuk menjual atau melelong *marhun* berkenaan. Dalam hal ini, koperasi dibenarkan untuk melantik penjual atau pelelong bagi menjalankan proses jualan atau lelongan

dengan mengikuti prosedur yang betul. Namun begitu, penggadai perlu diberi notis secara bertulis dengan tempoh masa yang mencukupi sebelum tindakan menjual atau melelong diambil. Hal ini memberi peluang kepada penggadai untuk menebus *marhunnya*. Sekiranya tidak ada penebusan dilakukan selepas dua minggu dari tarikh notis, maka penjualan atau pelelongan akan dijalankan. Notis mengenai pelelongan tersebut hendaklah ditampal di ruang legar dan di hadapan premis *Ar-Rahnu* supaya ia mudah dilihat dan diketahui oleh penggadai berkenaan dan orang awam.

Wang yang diperoleh hasil daripada lelongan akan digunakan untuk membayar hutang, kos jualan atau pelelongan dan kos-kos berkaitan yang perlu untuk melaksanakannya. Sekiranya berbaki, penggadai boleh membuat tuntutan terhadap baki tersebut selepas menerima notis wang lebihan jualan atau lelongan. Selain itu, penggadai juga mempunyai hak untuk memeriksa rekod jualan atau lelongan dan penyata kewangan berkenaan dengannya. Upah simpan bagi barang gadaian untuk tujuan jualan atau lelongan hendaklah dikira sehingga tempoh penyelesaian berdasarkan nilai *marhun* pada tarikh asal gadaian dilakukan. Sebarang lebihan jualan atau lelongan yang tidak dituntut oleh penggadai dalam tempoh masa tidak kurang dari dua tahun akan dibayar kepada Akauntan Negara menurut peruntukan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370). Berkaitan dengan promosi dan iklan yang akan dijalankan bagi aktiviti *Ar-Rahnu*, koperasi hendaklah memastikan kesemua bahan dan risalah yang digunakan adalah jelas, adil, tidak mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan. Maklumat penting yang dianggap boleh memberi kesan terhadap keputusan pelanggan yang ingin meminjam perlu dipamerkan dengan jelas.

#### **Fasa selepas penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif baharu *Ar-Rahnu***


Seiring dengan penguatkuasaan pemakaian produk alternatif yang baharu pada 1 Mei 2021, beberapa ketetapan masih kekal dan tidak berubah termasuk aspek bentuk barang gadaian, cara bayaran balik, gadaian semula, proses jualan atau lelongan, promosi dan penebusan. Namun begitu, terdapat inovasi dan perubahan yang berlaku terutamanya dari segi akad yang digunakan, had pembiayaan, kadar keuntungan, tempoh gadaian dan sistem yang diguna pakai (Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA, 2021).

Dari segi akad, *Tawarruq* iaitu jual beli berasaskan komoditi telah dijadikan sebagai alternatif. *Tawarruq* dari segi bahasa berasal daripada perkataan '*Al-Wariq*' yang bermaksud wang perak atau dirham. Dari segi istilah pula, *Tawarruq* merujuk kepada kontrak pembelian komoditi secara bayaran tangguh. Komoditi tersebut kemudiannya dijual semula secara tunai kepada pihak lain selain penjual asal. Secara umumnya, kontrak ini dinamakan *Tawarruq* kerana apabila membeli barang secara tangguh, pembeli tidak berniat untuk menggunakan atau memanfaatkan barangan tersebut. Tetapi, ia dijadikan sebagai satu cara untuk mendapatkan wang tunai.

Pada awalnya, pelanggan datang ke koperasi bagi mendapatkan pembiayaan yang diinginkan. Koperasi kemudiannya menyediakan dokumen untuk pelanggan lengkapkan bagi proses kelulusan. Kemudian, proses pembiayaan dijalankan melalui platform Sistem *Tawarruq*. Pada peringkat ini, pelanggan mewakili kepada koperasi untuk membeli komoditi melalui sistem tersebut. Bukan itu sahaja, bahkan pelanggan turut mewakili kepada koperasi untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. Apabila transaksi *Tawarruq* selesai, wang pembiayaan akan diberikan kepada pelanggan. Pelanggan akan membuat pembayaran bulanan kepada koperasi



mengikuti syarat dan terma yang telah dipersetujui secara bersama dalam perjanjian yang termeterai. Aliran proses *Tawarruq* di koperasi adalah seperti dalam Rajah 3 di bawah.



Keterangan:

1. Pelanggan ke koperasi bagi membuat permohonan pembiayaan.
2. Koperasi kemudiannya menyediakan dokumen yang perlu dilengkapi oleh pelanggan untuk proses kelulusan.
3. (a) Proses pembiayaan akan dijalankan melalui platform Sistem *Tawarruq*.  
(b) Pelanggan mewakili kepada koperasi untuk membeli komoditi melalui platform Sistem *Tawarruq*.  
(c) Pelanggan juga mewakili kepada koperasi untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga melalui platform Sistem *Tawarruq*.
4. Pengeluaran wang pembiayaan kepada pelanggan. Ianya berlaku selepas transaksi *Tawarruq* selesai.
5. Pelanggan akan membuat pembayaran bulanan kepada koperasi mengikut syarat dan terma yang telah dipersetujui bersama dalam perjanjian pembiayaan.

**Rajah 3: Aliran Proses *Tawarruq* di Koperasi**

Selanjutnya, had pembiayaan juga telah meningkat daripada sebelumnya iaitu tidak melebihi RM150,000 atau 75% daripada nilai *marhun*. Selain itu, jumlah keseluruhan pembiayaan bagi setiap pelanggan mestilah tidak melebihi 25% KWA. Sementara itu, kadar keuntungan maksimum adalah 1% sebulan ke atas nilai pembiayaan. Manakala tempoh maksimum lanjutan gadaian pula mestilah tidak melebihi tempoh 12 bulan dari tarikh gadaian. Selain itu, koperasi juga perlu mengintegrasikan sistem sedia ada dengan sistem komoditi lain bagi melancarkan aktiviti *Ar-Rahnu* di koperasi. Ringkasan mengenai pelaksanaan sebelum dan selepas penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif *Ar-Rahnu* dapat dilihat dalam Rajah 4 berikut:

Bil.	Sebelum penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif baharu <i>Ar-Rahnu</i>	Perkara	Selepas penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif baharu <i>Ar-Rahnu</i>
<b>Persamaan</b>			
1.	Jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas.	Bentuk gadaian barangan emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Barang kemas tulen dan berkualiti.</li> <li>• Tidak diterima: berbentuk simbol agama atau makhluk bernyawa.</li> <li>• Jongkong, wafer, syiling atau ketul emas.</li> </ul>
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pilihan: Ansuran atau sekali gus.</li> <li>• Kaedah: tunai, akaun bank, cek atau perbankan secara elektronik.</li> </ul>	Cara Bayaran Balik	Pilihan: Ansuran atau sekali gus.
3.	Dibenarkan dengan syarat pembiayaan dan upah simpan yang lama dijelaskan secara pelarasan dengan pembiayaan baharu.	Gadaian semula	Dibenarkan membuat gadaian semula terhadap barang gadaian yang sama setelah penggadai menjelaskan semua jumlah pembiayaan, keuntungan dan kos-kos berkaitan (jika ada).
4.	<p>Koperasi mempunyai hak untuk menjual atau melelong <i>marhun</i>.</p> <p>Proses:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggadai diberi notis.</li> <li>• Tiada penebusan selepas dua minggu daripada tarikh notis: penjualan atau pelelongan.</li> <li>• Hasil penjualan atau pelelongan digunakan untuk membayar hutang dan semua kos.</li> <li>• Lebihan penjualan atau pelelongan: penggadai boleh menuntut.</li> <li>• Lebihan penjualan atau pelelongan tidak dituntut dalam tempoh masa tidak kurang dari dua tahun: dibayar kepada Akauntan Negara menurut peruntukan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370).</li> </ul>	Jualan Atau Lelongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lelongan dilakukan selepas tamat tempoh gadaian.</li> <li>• Kadar keuntungan dikira sehingga tempoh penyelesaian.</li> <li>• Notis pemberitahuan</li> <li>• Lebihan jualan tidak dituntut dibayar kepada Akauntan Negara menurut peruntukan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370).</li> </ul>
5.	Jelas, adil, tidak mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan.	Promosi	Jelas, adil, tidak mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan.
6.	Bila-bila masa sebelum tamat tempoh gadaian atau mana-mana tempoh lanjutan yang diberi oleh koperasi.	Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggadai boleh menebus bila-bila masa dan akan mendapat rebat jika menebus pada awal tempoh.</li> <li>• Sebelum tamat tempoh gadaian.</li> </ul>
<b>Perbezaan</b>			
1.	Akad gadaian.	Akad	<i>Tawarruq</i>
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak melebihi RM50,000.00 @ tidak melebihi 70% daripada nilai <i>marhun</i>, mengikut mana yang rendah.</li> <li>• Jumlah keseluruhan pembiayaan tidak melebihi 25% daripada Kumpulan Wang Anggota (KWA).</li> </ul>	Had pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak melebihi RM150,000 atau 75% daripada nilai <i>marhun</i>.</li> <li>• Jumlah keseluruhan pembiayaan setiap pelanggan tidak melebihi KWA.</li> </ul>
3.	Caj upah simpan adalah 1% sebulan ke atas nilai <i>marhun</i> .	Kadar keuntungan	Kadar maksimum adalah 1% sebulan ke atas nilai pembiayaan.
4.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum: 6 bulan.</li> <li>• Tempoh lanjutan: maksimum 6 bulan (dengan syarat upah simpan bagi tempoh yang lalu telah dijelaskan sepenuhnya).</li> </ul>	Tempoh gadaian	Tempoh maksimum lanjutan gadaian tidak melebihi tempoh 12 bulan dari tarikh gadaian.
5.	Tiada keperluan integrasi dengan komoditi lain	Sistem	Sistem sedia ada perlu integrasi dengan sistem komoditi lain.

**Rajah 4: Ringkasan Pengendalian Aktiviti *Ar-Rahnu* di Koperasi**

## Rumusan

Inisiatif yang diambil oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk melaksanakan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif baharu *Ar-Rahnu* bagi sektor koperasi adalah selari dengan kehendak syariah. Selain menjamin keadilan bagi kesemua pihak yang terlibat dalam aktiviti *Ar-Rahnu*, penguatkuasaan tersebut dapat memberi keyakinan kepada ahli koperasi terhadap tadbir urus dan pengawal seliaan *Ar-Rahnu*. Selanjutnya, aktiviti *Ar-Rahnu* perlu dikembangkan melalui promosi yang pelbagai bagi menarik minat ahli koperasi untuk mendapatkan pembiayaan yang berasaskan syariah dan menjamin kemaslahatan semua pihak. Di samping itu, tanggungjawab untuk memastikan aktiviti *Ar-Rahnu* dilaksanakan berasaskan prinsip syariah tidak sepatutnya hanya digalas oleh badan pengawal selia seperti BNM dan SKM. Kesemua pihak di dalam sektor koperasi perlu menggembeng tenaga memastikan aktiviti tersebut dijalankan sepenuhnya mengikut kehendak syariah

## Rujukan

- Abdul Razak D., Baharun F. N. (2018). Factors that determine customers' acceptance of Ar rahn financing in Selangor. *International Journal of Asian Social Science*, 8(11), 1017-1026.
- Abdul Razak, A., Muhammad, F., Mohd Hussin, M., & Abdul Hadi, F. (2014). Kemapanan dan Daya Saing Pajak Gadai Islam Di Malaysia: Perspektif Perintis. *International Journal of Management Studies*, 21(2), 111-134. Retrieved from <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms/article/view/10414>
- Ahmad, K.A., Bahari, N. F., Ahmad, N. W., & Shahar, S. S. (2019). An overview of the shariah issues of rahn-based financing in Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 16-29.
- Azman, Kassim, & Adeyemi. (2016). Role of Ar Rahnu as micro credit instrument in achieving financial self-sufficiency among women micro entrepreneurs. *Intellectual Discourse*, 365-385.
- Azman, N. H. N., Zabri, M. Z. M., Masron, T. A., & Malim, N. A. K. (2020). The adoption of arrahnu and financial wellbeing of micro-entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 36-53. [https://hrmars.com/papers\\_submitted/7259/the-adoption-of-Ar-Rahnu-and-financialwellbeing-of-micro-entrepreneurs-in-malaysia.pdf](https://hrmars.com/papers_submitted/7259/the-adoption-of-Ar-Rahnu-and-financialwellbeing-of-micro-entrepreneurs-in-malaysia.pdf)
- Azman, N., and Kassim, S. (2015). Key factors influencing women micro entrepreneurs to use ArRahnu: evidence from Siti Khadijah's market in Kelantan. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(28), 105-110.
- Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA (2021, Oktober). *Inovasi Ar-Rahnu*. Kertas kerja telah dibentangkan di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- Bank Negara Malaysia (2019). *Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194 dan Ke-195*. Retrieved October 11, 2021, from <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/1085561/SAC+194th+%26+195th+Meeting+Statement+%28BM%29.pdf>
- Hamid, M. A., Rahman, I. A., & Halim, A. N. (2015). Key factors influencing customers to use Ar-rahnu (Islamic pawn shop) in Malaysia: Evidence from Bank Rakyat. *International Journal of Interdisciplinary Research and Innovations*, 3(4), 73-80.
- Mohamad, A. A. A. (2013). *Analisis hadith al-Rahn dalam al-Kutub al-Sittah*. (Doctoral dissertation, University of Malaya). <http://studentsrepo.um.edu.my/5328/>
- Mohd Noor, A. & Haron, M. N. (2016). A framework for determination of actual costs in Islamic financing products. *Journal of Islamic Finance*, 5(2), 37-52.
- Mohd Hussin, M.Y., Zulkepily, M.A., Abdul, R.A. and Muhammad, F. (2016). Marketing mixed strategy and its relationship in Islamic pawning products selection at ar-rahnu

- YaPEIM. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 175-190.
- Nik Azman N.H, Kassim, S. and Adeyemi, A.A. (2018). Analysing ar-rahnu in the context of informal credit market theory: Evidence from women micro-entrepreneurs in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 10(2), 237-250.
- Rahman, N. N. & Kassim, S. H. (2017). Factors influencing acceptance of Ar-Rahnu: providers in Terengganu comparison between private and state Ar-Rahnu. *Middle East J. Management*, 4(1), 39-64.
- Razak, A.A., Muhammad, F., Hussin, M.Y., Hadi, F.A., Mahjom, N., & Zainol, Z. (2017). A longitudinal analysis of the Ar-rahnu's customer profile in Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 9, 1(2017) 37-45.
- Sharif, D., Shahrudin, A., Muhamed, N. A., Pauzi, N. S., & Mohd, M. Z. (2013). The improvement of ar-rahnu (Islamic pawn broking) enhanced product in Islamic banking system. *Asian Social Science*, 9(2), 36-47.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2013). *GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)*. Retrieved October 21, 2021, from <https://www.skm.gov.my/images/images/Garis-Panduan/Arrahnu.pdf>
- Zulkiffli, Z. (2020). Kedai Pajak Gadai Jadi Tumpuan, *Harian Metro*, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576505/kedai-pajak-gadai-jadi-tumpuan>